



KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

## **KENYATAAN MEDIA**

### **PERANGKAAAN PEMBUATAN BULANAN, MALAYSIA, OKTOBER 2023**

**Nilai jualan sektor Pembuatan susut 1.4 peratus kepada RM156.7 bilion  
pada Oktober 2023**

**PUTRAJAYA, 11 Disember 2023** - Nilai jualan sektor Pembuatan susut kepada 1.4 peratus tahun ke tahun kepada RM156.7 bilion pada Oktober 2023. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan dalam keluaran **Perangkaan Pembuatan Bulanan, Malaysia, Oktober 2023** pada hari ini.

Menurut Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia, “Nilai jualan sektor Pembuatan menurun 1.4 peratus pada Oktober 2023, namun pada kadar yang lebih kecil berbanding kemerosotan 2.4 peratus pada bulan sebelumnya. Penurunan tersebut sebahagian besarnya dipengaruhi oleh kejatuhan berterusan dalam subsektor Petroleum, kimia, getah & plastik sebanyak 9.5 peratus (September 2023: -12.3%); dan subsektor Peralatan elektrik & elektronik yang menyusut sebanyak 2.7 peratus (September 2023: -0.04%). Berbanding bulan sebelumnya, nilai jualan menurun sedikit 0.7 peratus berbanding RM157.8 bilion yang direkodkan pada September 2023 (3.7%).”

Nilai jualan industri berorientasikan eksport yang merangkumi lebih dua pertiga daripada jumlah jualan, menurun 5.2 peratus pada Oktober 2023, selepas penyusutan 5.9 peratus pada September 2023. Ini disebabkan terutamanya oleh penurunan dua digit dalam Pembuatan kok & produk petroleum bertapis kepada negatif 18.4 peratus. Tambahan lagi, Pembuatan minyak & lemak daripada sayuran & haiwan; dan Pembuatan komputer, produk elektronik & optikal turut mempengaruhi penurunan dengan masing-masing merekodkan negatif 3.6 peratus dan 2.8 peratus.

Namun begitu, industri berorientasikan domestik merekodkan pertumbuhan kukuh sebanyak 9.9 peratus pada Oktober 2023 (September 2023: 8.2%). Pengembangan yang stabil ini disokong terutamanya oleh pertumbuhan ketara 20.6 peratus dalam nilai jualan Pembuatan kenderaan bermotor, treler & semi treler. Tambahan lagi, Pembuatan produk makanan (10.5%); dan Pembuatan produk logam, kecuali mesin & kelengkapan (9.2%) juga menyumbang secara signifikan dalam merangsang prestasi industri berorientasikan domestik. Perbandingan bulan ke bulan, industri

berorientasikan eksport menyusut 2.1 peratus manakala industri berorientasikan domestik berkembang 3.2 peratus.

Mengulas mengenai bilangan pekerja, Ketua Perangkawan berkata, “Sektor Pembuatan melibatkan seramai 2.38 juta orang pada Oktober 2023, meningkat 2.5 peratus berbanding 2.32 juta orang yang dicatatkan pada Oktober 2022. Kenaikan tersebut didorong terutamanya oleh peningkatan bilangan pekerja dalam subsektor Makanan, minuman & tembakau (7.7%); Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang direka (2.5%); dan Produk elektrik & elektronik (1.6%). Bagi perbandingan bulan ke bulan, bilangan pekerja dalam sektor Pembuatan meningkat sedikit 0.2 peratus.”

Selaras dengan tren positif pekerja, gaji & upah yang dibayar dalam sektor Pembuatan berkembang sebanyak 3.4 peratus tahun ke tahun, berjumlah RM8.1 bilion pada Oktober 2023. Berbanding bulan sebelumnya, gaji & upah yang dibayar mencatatkan pertumbuhan marginal 0.1 peratus berbanding 1.7 peratus yang dicatatkan pada bulan September 2023. Tambahan lagi, nilai jualan bagi setiap pekerja menurun 3.7 peratus untuk merekodkan RM65,879 manakala purata gaji & upah bagi setiap pekerja pada Oktober 2023 adalah RM3,425 yang meningkat sebanyak 0.9 peratus tahun ke tahun.


Merumuskan prestasi bagi sepuluh bulan pertama tahun 2023, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, “Nilai jualan sektor Pembuatan mencecah RM1.50 trilion, menunjukkan pertumbuhan marginal 0.9 peratus berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya (Jan. - Okt. 2022: 17.1%). Pada tempoh tersebut, bilangan pekerja meningkat sebanyak 2.5 peratus, mencapai seramai 2.38 juta orang manakala gaji & upah menokok sebanyak 3.6 peratus, berjumlah RM80.9 bilion. Tambahan lagi, nilai jualan per pekerja berjumlah RM630,367, merekodkan penurunan 3.7 peratus.”

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan.”


**Carta 1: Nilai Jualan Sektor Pembuatan, Malaysia  
Oktober 2022 - Oktober 2023**




**Carta 2: Pertumbuhan Jualan Subsektor Pembuatan, Malaysia,  
September dan Oktober 2023**




**Carta 3: Nilai Jualan Industri Berorientasikan Eksport dan Domestik bagi Sektor Pembuatan, Malaysia, Oktober 2022 - Oktober 2023**



**Carta 4: Pembuatan Berorientasikan Eksport Mengikut Kumpulan, Malaysia, September dan Oktober 2023**



**Carta 5: Pembuatan Berorientasikan Domestik Mengikut Kumpulan, Malaysia, September dan Oktober 2023**



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA**  
**JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**  
**11 DISEMBER 2023**